


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-10	Yunus	109	11	Makkiyyah	Ke-51	8



Zaman Diturunkan

Surah Yunus diturunkan di peringkat ke-empat dan terakhir Rasulullah s.a.w. berada di Mekah iaitu sekitar tahun 11 hingga 13 Kenabian. Besar sekali kemungkinan ia diturunkan di pertengahan peringkat itu iaitu pada tahun ke-12 Kenabian bersama-sama Surah Hud.

Di dalam ayat-ayat Surah Yunus ke-37, 94 dan 104 begitu juga di dalam Surah Hud selepas ini iaitu pada ayat ke-62 dan 110 terdapat kenyataan bahawa orang-orang musyrikin menyatakan keraguan terhadap seruan al-Qur'an, selain itu mereka juga menuduh Rasulullah s.a.w. sebagai tukang sihir dan seorang yang mengada-adakan dusta.

Perkaitan Surah Yunus Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam Surah at-Taubah sebelum ini disebutkan tentang jihad, di dalam Surah Yunus ini pula disebutkan bahawa sebelum mengambil langkah jihad terhadap orang-orang kafir terlebih dahulu perlu disempurnakan hujjah kepada mereka dengan menyeru mereka kepada ajaran tauhid berpandukan dalil-dalil yang kukuh dan dengan mengadakan perbincangan secara baik.
2. Di dalam Surah Yunus terdapat hujjah-hujjah yang menentang golongan yang tidak percaya kepada tauhid, tidak percaya kepada kerasulan dan tidak percaya juga kepada akhirat. Di dalam Surah Hud selepasnya pula, selepas diberikan hujjah yang cukup, mereka diseru supaya bertaubat dan beristighfar, jika mereka menolak seruan itu ancaman kebinasaan kepada mereka diberikan.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Di dalam Surah Yunus al-Qur'an diperkenalkan secara detail bahawa ia adalah kalam Allah, ia merupakan rahmat kepada orang-orang mu'min dan ia adalah kalam yang benar.

(a) Qur'an bukan hasil ciptaan makhluk **مِنْ دُونِ اللَّهِ** bahkan ia kalam Allah tuhan sekalian alam, ia juga membenarkan kitab Taurat dan Injil. (Ayat: 37)

وَمَا كَانَ هَذَا الْقُرْآنُ أَنْ يُفْتَرَى مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ تَصْدِيقُ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلُ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٣٧﴾

(b) Qur'an adalah satu nasihat, ia merupakan penawar kepada penyakit yang ada di dalam dada manusia dan ia merupakan rahmat kepada orang yang beriman. (Ayat: 57)

قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

(c) Qur'an adalah kalam Allah yang benar, ia merupakan wahyu seperti wahyu-wahyu yang telah diberikan kepada rasul-rasul terdahulu. Kepada orang yang ragu, mereka boleh sahaja bertanya kepada para 'ulama' Ahli Kitab. (Ayat: 94)

فَإِنْ كُنْتُمْ فِي شَكٍّ مِّمَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ فَسْأَلِ الَّذِينَ يَقْرَأُونَ الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكَ لَقَدْ جَاءَكَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿١٥﴾

(d) Qur'an adalah benar daripada tuhan setelah ia datang terpulanglah kepada manusia samada mahu menerimanya atau menolaknya. (Ayat: 108)

قَدْ جَاءَكُمْ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنِ اهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا

2. Di dalam Surah Yunus, melalui ayat **ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ** sifat rabb diperkenalkan dengan sebaik-baiknya. Orang-orang musyrikin Mekah menerima Allah sebagai khaliq (pencipta) dan rabb tetapi mereka melakukan syirik kepada Allah dalam beribadat dan taat kepadaNya **شرك في الألوهية**. Mereka juga syirik dalam haakimiyyah dan tasyri'.

(a) Orang-orang musyrikin dibantah dengan mengatakan bahawa tuhan kamu ialah tuhan yang menjadikan langit dan bumi. Ia juga mentadbir dan mengurusnya, tanpa kebenarannya tiada siapa pun boleh memberi syafa'at kepada orang lain, kerana itu mereka hendaklah beribadat kepada rabb itu. (Ayat: 3)

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ مَا مِنْ شَفِيعٍ إِلَّا مِنْ بَعْدِ إِذْنِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ

اللَّهُ رَبُّكُمْ فَأَعْبُدُوهُ أَقْلًا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

(b) Orang-orang musyrikin juga dibantah dengan mengatakan rabb kamu itu juga yang memberi rezeki kepada penduduk langit dan bumi, dialah yang mengurniakan pendengaran dan pengelihatan, mengeluarkan benda-benda hidup dari benda-benda mati, dan mengeluarkan benda-benda mati dari benda-benda hidup. Dia adalah pentadbir alam semesta ini. (Ayat: 32)

فَذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمُ الْحَقُّ فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ فَأَنَّى تُصْرَفُونَ ﴿٣٢﴾

3. Di dalam Surah Yunus juga terdapat munazoroh dengan orang-orang yang tidak mempercayai hari akhirat. Perkataan **لقاء** yang membawa erti pertemuan dengan tuhan berkali-kali digunakan.

(a) Manusia yang sibuk dan tenggelam dalam kesibukan dunia tidak percaya akan bertemu dengan tuhan di akhirat nanti dan mereka tidak menghiraukan dalil-dalil al-Qur'an. (Ayat: 7)

إِنَّ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا وَرَضُوا بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاطْمَأَنَّنُوا بِهَا وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ ءَايَاتِنَا غَافِلُونَ ﴿٧﴾

(b) Manusia yang memuja dunia dan keras kepala juga tidak percaya akan bertemu dengan tuhan di akhirat nanti, mereka dibiarkan bertindak sewenang-wenang dalam kehidupan ini. (Ayat: 11)

فَنَذِرُ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٣﴾

(c) Orang-orang yang tidak percaya akan bertemu dengan tuhan di akhirat nanti, apabila mendengar ayat-ayat al-Qur'an dibaca menuntut supaya dibawa al-Qur'an yang lain atau mereka menuntut supaya ditukar isi al-Qur'an itu (kerana Qur'an yang ada ini menjejaskan kepentingan orang-orang yang berkepentingan di dunia). (Ayat: 15)

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا أَتُنَبِّئُونَ بِفُرْءَانٍ غَيْرِ هَذَا أَوْ بَدِّلَهُ

(d) Orang-orang yang tidak percaya akan bertemu dengan tuhan di akhirat nanti akan kerugian di sana. (Ayat: 45)

قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِلِقَاءِ اللَّهِ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٥﴾

4. Perkataan aayaaat berulang kali disebutkan, di dalam Surah Yunus dengan erti bukti-bukti dan tanda-tanda kebesaran Allah.

(a) Matahari dan bulan beredar menurut ketentuan Allah, ia tidak beredar sia-sia. Tujuan perjalanan bulan dan matahari adalah untuk memberi cahaya dan sinaran kepada manusia di samping untuk membolehkan manusia membuat kalendar yang dapat digunakan untuk keperluan mereka. Kepada orang-orang yang ber'ilmu, ia merupakan dalil-dalil dan bukti-bukti kekuasaan Allah, rububiyah dan hikmahnya. (Ayat: 5)

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ

لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

(b) Silih berganti siang dan malam dan kejadian langit dan bumi menjadi tanda kebesaran Allah bagi orang-orang yang bertaqwa. Matahari dan bulan juga di tempat masing-masing sedang menurut dan mengikut perintah dan ketentuan Allah. (Ayat: 6)

إِنَّ فِي اخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٦﴾

(c) Orang-orang yang zalim dan penipu tidak mempedulikan ayat-ayat Allah. Sunnatullah dalam membinasakan umat manusia adalah dengan menguji mereka menerusi kesedihan kemudian menguji mereka pula dengan kesukaan. Orang-orang yang zalim dan derhaka gagal dalam kedua-dua ujian itu, setelah mereka gagal dan malaikat pula mencatat segala amalan-amalan mereka, Allah bertindak balas. (Ayat: 21)

وَإِذَا أَذَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً مِن بَعْدِ ضَرَاءٍ مَسْتَهْمٍ إِذَا لَهُمْ مَكْرٌ فِي آيَاتِنَا قُلِ اللَّهُ أَسْرَعُ مَكْرًا

(d) Kepada orang-orang yang berfikir, sunnatullah berupa balasan baik dan buruk di dunia juga merupakan dalil kepada adanya balasan baik dan buruk di akhirat. Allah menyuburkan dan menghidupkan bumi dengan hujan lalu manusia mendapat rezeki daripadanya tetapi kadang-kadang kerana sesuatu bencana yang tidak diduga hasil tanaman yang subur itu menjadi musnah. (Ayat: 24)

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّى إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَدِرُونَ عَلَيَّهَا أَتَيْنَاهَا أُمْرًا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنِ بِالْأَمْسِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

(e) Untuk menyejukkan bumi dan memberi ketenangan kepada manusia dengan tidur, Allah menjadikan waktu malam untuk urusan kehidupan dan kesuburan tanaman dan pokok pula Allah menjadikan waktu siang, pendek kata pusingan matahari dan bulan merupakan dalil dan tanda-tanda kekuasaan Allah, rububiyahNya dan hikmahNya. (Ayat: 67)

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٦٧﴾

5. Di dalam Surah Yunus juga tersebut sikap sombong dan takabbur kalangan pimpinan musyrik Mekah seperti sifat takabbur dan sombong Fir'aun dahulu.

(a) Fir'aun adalah seorang raja yang zalim dan diktator, dia menonjolkan dirinya dengan da'waan mempunyai kedudukan yang tinggi, dia menggunakan harta di bawah kekuasaannya secara boros dan melampaui batas. Ketakutan dan kegerunan masyarakat awam kepada Fir'aun dan bala tenteranya menyebabkan hanya segelintir orang sahaja yang beriman kepada Musa dan Harun. (Ayat: 83)

فَمَا آمَنَ لِمُوسَى إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِ عَلَى خَوْفٍ مِّن فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ وَإِنَّ فِرْعَوْنَ لَعَالِي فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ ﴿٨٣﴾

(b) Fir'aun bukan sahaja zalim dan diktator bahkan ia juga seorang musyrik yang mempercayai banyak tuhan. Dia begitu kuat berpegang dengan adat resam nenek moyang. Fir'aun dan pembesar-pembesarnya secara terbuka telah berkata kepada Musa dan Harun bahawa kami sekali-kali tidak akan beriman kepada kamu, kamu berdua sebenarnya mahu mengubah adat resam nenek moyang kami. Fir'aun mahu menyatakan kebesaran dan kedudukannya yang tinggi kepada orang ramai. (Ayat: 78)

قَالُوا أَجِئْتَنَا لِنَعْلَمَ مَا جَاءَنَا وَكُنَّا لَكُمْ كُذِّبْنَا فِي الْأَرْضِ وَمَا نَحْنُ لَكُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

6. Orang-orang musyrikin Mekah yang durjana telah diingatkan dengan bukti-bukti sejarah bahawa Allah pada bila-bila masa sahaja boleh membinasakan orang-orang yang durjana.

(a) Sejarah menjadi saksi bahawa Allah telah membinasakan orang-orang zalim dan durjana yang tidak beriman kepada ajaran rasul yang jelas. (Ayat: 13)

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا الْقُرُونَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَمَّا ظَلَمُوا وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ وَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا كَذَلِكَ نَجْزِي الْقَوْمَ الْمُجْرِمِينَ ﴿٥٠﴾

(b) Orang-orang musyrikin yang durjana diberi peringatan dan amaran bahawa azab Allah boleh menimpa mereka pada bila-bila masa baik pada waktu pagi atau waktu petang, oleh itu hendaklah mereka berfikir secara mendalam. (Ayat: 50)

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَتَاكُمْ عَذَابُهُ بَيِّنَاتٍ أَوْ تَهَارًا مَاذَا يَسْتَغْفِلُ مِنْهُ الْمُجْرِمُونَ ﴿٧٨﴾